

Headline	Jangan takut buat pengakuan cukai secara sukarela: LHDNM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Sep 2019	Language	Malay
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	799 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 16,939	PR Value	RM 50,817



## Jangan takut buat pengakuan cukai secara sukarela: LHDNM

Tiada audit, semakan lanjut dibuat ke atas maklumat dilaporkan

Orang awam tidak perlu takut untuk tampil membuat pembayaran cukai dalam tempoh Program Khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela yang akan berakhir pada 30 September ini.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memberi jaminan, pihaknya akan menerima maklumat pengakuan pembayar cukai dalam tempoh program khas itu dengan suci hati.

Semakan lanjut atau audit tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan.

LHDNM tidak mahu rakyat ada perasaan takut dan gentar terhadap agensi itu, sebaliknya mahu dilihat oleh masyarakat sebagai konsultan yang memberikan nasihat dan pendidikan cukai agar pembayar cukai melaporkan pendapatan dan membayar cukai yang sepatutnya sahaja.

Tiada denda atau penalti dikenakan sewenang-wenangnya tanpa usul periksa atau tanpa memberi peluang kepada pembayar cukai untuk menjelaskan secara lebih terperinci situasi mereka.

Apa yang penting, pembayar cukai berkenaan tampil ke LHDNM untuk sesi perbincangan dan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah cukai mereka.

**Tiada denda atau penalti dikenakan sewenang-wenangnya tanpa usul periksa atau tanpa memberi peluang kepada pembayar cukai untuk menjelaskan secara lebih terperinci situasi mereka.**

LHDNM percaya orang ramai bersedia untuk membayar cukai kerana mereka tahu bahawa kerajaan akan menggunakan hasil kutipan cukai tersebut demi menjamin kemakmuran dan masa depan Malaysia.

Selepas tempoh program khas ini, apa jua kesalahan cukai yang ditemui akan dikenakan penalti minimum 45 peratus sehingga 300 peratus.

Justeru, LHDNM berharap peluang yang diberikan melalui program khas ini dimanfaatkan oleh orang ramai.

Untuk maklumat, LHDNM juga



Ibu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

sedang giat mengumpul maklumat dan pada masa yang sama menerima banyak maklumat berkaitan pembayar cukai.

Sekiranya pembayar cukai yang tidak melaporkan cukai yang sepatutnya tidak mengambil peluang ke atas program khas ini, mereka yang mempunyai isu percaikaaan akan dapat kesan oleh LHDNM.

Tambahan pula, di bawah inisiatif Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) bagi meningkatkan ketelusan percaikaaan, mulai tahun ini, Malaysia melaksanakan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) dengan pihak berkuasa percaikaaan lain untuk mendapatkan maklumat kewangan yang dapat membantu aktiviti audit dan siasatan mengesan pembayar cukai yang tidak atau kurang melaporkan cukai.

Ayuh, laksanakan tanggungjawab sebagai warganegara yang cintakan tanah air dan setiap sen sumbangan anda, adalah demi Malaysia yang tercinta.

### Di mana pengakuan cukai sukarela boleh dibuat?

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Program Khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela ini:-

- Boleh datang ke pejabat LHDNM berdekatan
- Hubungi **HASIL Care Line** di talian **1-800-88-5436**
- Layari portal rasmi, **www.hasil.gov.my**
- Anda juga boleh menghantar e-mel ke **pengakuansukarela@hasil.gov.my**